

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejauh mana prestasi dan pencapaian agenda memartabatkan maruah bangsa Melayu dan Islam serta kedudukan ekonomi Melayu sepanjang setahun di bawah pentadbiran Kerajaan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan ekonomi golongan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia pelbagai kaum dan agama bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih seimbang dan adil. Namun begitu, Kerajaan juga berpandangan agenda pemeraksanaan ekonomi orang Melayu dan golongan Bumiputera perlu ditambah baik dan diperkukuhkan terutama kepentingan Bumiputera sepertimana komitmen dari janji Kerajaan dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan kerana pencapaian sosioekonomi Bumiputera masih lagi rendah.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) Tahun 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pecahan kumpulan isi rumah B40

mengikut etnik adalah 71.3% adalah Bumiputera, 18.7% Cina, 8.1% India dan 2% lain-lain etnik.

3. Sehubungan itu, agenda bagi memperkasakan orang Melayu dan Bumiputera akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan khususnya bagi merapatkan jurang sosioekonomi di antara kaum serta dalam kalangan kaum itu sendiri termasuk di kalangan Melayu dan Bumiputera. Manakala, penyertaan orang Melayu dan Bumiputera secara saksama akan diberi keutamaan bagi menangani penyertaan yang tidak seimbang dalam guna tenaga; pemilikan aset seperti hartanah dan ekuiti korporat; dan penyertaan orang Melayu dan Bumiputera dalam aktiviti nilai ditambah tinggi.

4. Kerajaan sentiasa meneliti semula dasar-dasar utama negara supaya pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan tetap menjadi agenda nasional tanpa meminggirkan kaum-kaum lain di negara ini. Dalam hal ini, tindakan afirmatif akan diteruskan khususnya untuk membangunkan potensi Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi negara dan seterusnya mencapai matlamat pengagihan kekayaan yang lebih saksama.

5. Walau bagaimanapun, sehingga kini pencapaian Bumiputera berbanding bukan Bumiputera masih lagi rendah seperti ditunjukkan oleh indikator sosioekonomi berikut;

(i) pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat adalah 16.2 peratus pada tahun 2015;

(ii) pendapatan purata isi rumah Bumiputera pada tahun 2016 adalah rendah iaitu RM6,267 berbanding bukan Bumiputera sebanyak RM8,213;

(iii) peratus kategori pekerjaan mahir antara kaum pada tahun 2018 adalah sebanyak 28.9 peratus bagi Bumiputera berbanding 35 peratus bagi bukan Bumiputera; dan

(iv) peratus transaksi pemilikan kediaman Bumiputera dalam pasaran primer pada tahun 2018 adalah 46.5 peratus (nilai bersamaan RM6.2 bilion) berbanding bukan Bumiputera sebanyak 49.1 peratus (nilai bersamaan RM6.56 bilion) manakala dalam jenis pemilikan komersil, peratus transaksi Bumiputera hanyalah 8.2 peratus (nilai bersamaan RM0.16 bilion) berbanding bukan Bumiputera iaitu 42.6 peratus (nilai bersamaan RM0.85 bilion).

6. Bagi meneruskan dasar, strategi dan inisiatif untuk mengangkat martabat seluruh rakyat Malaysia khususnya Melayu dan Islam, Kerajaan telah merangka satu wawasan baharu iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 oleh YAB Perdana Menteri. WKB merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2021 hingga 2030 dengan matlamat untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi taraf hidup wajar atau "*decent standard of living*" pada tahun 2030.

7. Walaupun WKB akan dilaksanakan mulai tahun 2021 namun Kerajaan telah memberi penekanan dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM8 billion dalam Belanjawan 2020 berbanding tahun 2019 sebanyak RM7.6 bilion.

8. Selain itu, Kerajaan akan terus menegakkan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, dalam Belanjawan 2020, peruntukan bagi hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri ditingkatkan kepada RM1.3 bilion berbanding RM1.2 bilion pada tahun 2019. Antara langkah spesifik Kerajaan dalam Belanjawan 2020 adalah seperti menaikkan elaun Guru Kelas Al-Quran.

9. Kerajaan percaya dan yakin bahawa langkah dan inisiatif yang diambil ini akan dapat mengurangkan jurang kesaksamaan ekonomi rakyat Malaysia khususnya orang Melayu dan Bumiputera sekaligus berupaya memartabatkan maruah bangsa Melayu dan Islam serta kedudukan ekonomi Melayu. Sekian, terima kasih.